
**MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN TERENGGANU**

(NOMBOR PENDAFTARAN: 3648 007)

AHLI-AHLI
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN (JUPEM) TERENGGANU
(Kemaskini pada 30 April 2021)

PIHAK PENGURUSAN

1. Sr Rosli bin Mohammed - Pengerusi
Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu
2. Sr Nik Mohd Wafi bin Nik Mohamed Daud - Ahli
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan I
3. Sr Rustam bin Abdul Rahman - Ahli
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan II
4. Sr Mohd Ridwan bin Latif - Ahli
Juruukur Daerah Terengganu Tengah
5. Sr Norhanini binti Mamat - Ahli
Juruukur Daerah Terengganu Utara
6. Sr Muhamad Sufi bin Md. Shafie - Ahli
Juruukur Daerah Terengganu Selatan
7. Sr Nurul Hayati bin Ismail - Ahli
Penolong Pengarah (Ukuran Hakmilik Tanah)
8. Kosong - Ahli
Penolong Pengarah Ukur (Seksyen Strata, Stratum & Marin)
9. Sr Mohamad Shazwan Iskandar bin Salleh - Ahli
Penolong Pengarah Ukur (Seksyen Pangkalan Data Ukur Kadaster)
10. Kosong - Ahli
Penolong Pengarah Ukur (Seksyen Penerbitan Peta Kadaster)
11. En. Mohd Fauzi bin Jusoh - Ahli
Pegawai Teknologi Maklumat
12. Pn. Norhasmidah binti Mat Amin - Setiausaha
Penolong Pegawai Tadbir

PIHAK PEKERJA

1. Mohd Zaidi bin Haji Idris
Penolong Jurukur JA29 (Caw. Kawala Ukur) - Naib Pengerusi
2. Shukri bin Ismail
Penolong Jurukur, JA36 (Caw. Penyelarasan Data Geospatial) - Setiausaha Bersama
3. Mohamad hairi bin Mohamad
Penolong Jurukur, JA36 (Sek . Teknologi Maklumat) - Ahli
4. Mohd Nazrol bin Ibrahim
Penolong Jurukur JA29 (Caw. Warta) - Ahli
5. Zulkifli bin Hassan
Penolong Jurukur JA29 (PUD Terengganu Tengah) - Ahli
6. Mohd Zol bin Muda
Penolong Jurukur JA29 (Caw. Semakan Kualiti) - Ahli
7. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah
Penolong Jurukur JA29 (PUD Terengganu Utara) - Ahli
8. Junaidy bin Abdul Razak
Penolong Jurukur JA29 (PUD Terengganu Selatan) - Ahli
9. Saipol Afzan bin Ramli
Penolong Jurukur JA29 (Caw. SSM) - Ahli
10. Suryani binti Ismail
Penolong Jurukur JA29 (Caw. Pelan Berdigit) - Ahli
11. Nur Yusmayanti binti Yusof
Pembantu Tadbir N19(Sek. Khidmat Pengurusan) - Ahli
12. Ngah bin Abdul Ghani
Pembantu Awam H14 (PUD Terengganu Tengah) - Ahli
13. Kamarul Aizan bin Hassan
Pembantu Awam H11 (PUD Terengganu Selatan) - Ahli
14. Amiluddin bin Mohdul Siman
Pembantu Awam H11 (PUD Terengganu Utara) - Ahli

15. Haznaimie bin Sudi - Ahli
Pemandu Kenderaan H11 (Sek. Khidmat Pengurusan)
16. Munirah binti Mohd Zaki - Ahli
Pembantu Operasi N11 (Sek. Khidmat Pengurusan)

Dikemaskinikan oleh:
Setiausaha MBJ JUPEM Terengganu
Tarikh:

**PERLEMBAGAAN
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN NEGERI TERENGGANU**

(Berkuatkuasa mulai Disember 2005)

PERLEMBAGAAN UNTUK MAJLIS BERSAMA JABATAN BAGI JABATAN UKUR DAN PEMETAAN NEGERI TERENGGANU

1. KEAHLIAN

- 1.1 Majlis Bersama Jabatan bagi Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu (selepas ini disebut "Majlis") hendaklah mengandungi dua puluh lapan (28) orang ahli termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha-Setiausaha yang terdiri daripada sebelas (11) orang ahli dilantik oleh Pengarah (selepas ini disebut sebagai 'Pihak Pegawai') dan enam belas (16) orang ahli yang dipilih oleh pekerja-pekerja yang berkhidmat di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu (selepas ini disebut sebagai 'Pihak Pekerja').
- 1.2 Keahlian Wakil Pegawai adalah dilantik oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu dan keahlian Wakil Pekerja oleh kumpulan pekerja yang mewakili pekerja-pekerja di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu.

2. PIHAK PEGAWAI

- 2.1 Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai adalah terdiri daripada Pegawai-Pegawai yang berkhidmat di Jabatan Ukur dan Pemetaan Terengganu seperti berikut :-

a)	Pengarah Ukur dan Pemetaan	-	Pengerusi
b)	Timbalan Pengarah Ukur I	-	Ahli
c)	Timbalan Pengarah Ukur II	-	Ahli
d)	Juruukur Daerah Tengah	-	Ahli
e)	Juruukur Daerah Selatan	-	Ahli
f)	Juruukur Daerah Utara	-	Ahli
g)	Penolong Pengarah Ukur	-	Setiausaha
h)	Penolong Pengarah Ukur	-	Ahli
i)	Penolong Pengarah Ukur	-	Ahli
j)	Penolong Pengarah Ukur	-	Ahli
k)	Pegawai Teknologi Maklumat	-	Ahli
l)	Penolong Pegawai Tadbir	-	Ahli

- 2.2 Majlis dengan kuasa yang ada pada Pengerusi akan melantik salah seorang Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai yang terdiri daripada Penolong Pengarah Ukur dilantik sebagai Setiausaha Majlis Bersama Jabatan.

3. PIHAK PEKERJA

- 3.1 Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja di Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri Terengganu Gred 48 dan ke bawah, tidak terlibat dalam membuat keputusan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu dan dipilih oleh pekerja-pekerja yang berkhidmat di Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri Terengganu. Peraturan bagi memilih ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang akan disediakan buat permulaan oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pekerja-pekerja dalam Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri Terengganu dan diluluskan oleh Pengarah Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri Terengganu. Ahli-ahli Pihak Pekerja adalah seperti berikut:

- a) lapan (8) orang wakil Penolong Juruukur; (Gred JA29-JA38)
- b) dua (2) orang wakil Pembantu Tadbir;(Gred N17-N27)
- c) seorang wakil Pembantu Operasi; (Gred N11)
- d) seorang wakil Pemandu; (Gred H11)
- e) tiga (3) orang wakil Pembantu Awam; dan (Gred H11-H14)
- f) seorang wakil kesatuan/MBJ Pusat (Gred JA 29)

- 3.2 Pemilihan Pengerusi dan Setiausaha Pihak Pekerja adalah dibuat dari kalangan ahli-ahli Pihak Pekerja yang dipilih dan pemilihan itu hendaklah dibuat oleh Pihak Pekerja sendiri tanpa campur tangan dari Pihak Pengurusan. Pengerusi Pihak Pekerja akan menjadi Naib Pengerusi kepada MBJ manakala Setiausaha Pihak Pekerja akan menjadi Setiausaha Bersama.

- 3.3 Kekosongan yang berlaku dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh calon-calon daripada kumpulan pekerja yang melantik wakil yang mengosongkan jawatan itu di Jabatan Ukur dan Pemetaan Terengganu.

- 3.4 Ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh 2 tahun mulai daripada tarikh pelantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik atau dipilih.

4. PIHAK PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

- 4.1 Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada seorang yang dipilih oleh Pihak Pekerja dan beliau juga adalah merupakan Pengerusi bagi Pihak Pekerja. Tiap-tiap pihak dalam Majlis hendaklah melantik seorang daripadanya untuk memenuhi jawatan Setiausaha Bersama.

5. TUJUAN

- 5.1 Tujuan Majlis adalah :-
- a) Untuk memperoleh seluas-luas kerjasama di antara Jabatan Ukur dan Pemetaan Terengganu dengan Pegawai-pegawai dan Kakitangan yang bergaji di dalam Jabatan Ukur dan Pemetaan Terengganu dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja yang berkenaan;
 - b) Untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja; dan
 - c) Untuk mengumpul berbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil-wakil rasmi Jabatan Ukur dan Pemetaan Terengganu.

6. BIDANG DAN FUNGSI

- 6.1 Bidang dan Fungsi Majlis hendaklah ditumpukan hanya kepada perkara-perkara yang termasuk dalam bidang kuasa Majlis yang mana adalah seperti berikut :-
- a) Membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada berkaitan dengan pentadbiran yang berkenaan kecuali perkara-perkara yang melibatkan dasar Kerajaan atau hal-hal perseorangan;
 - b) Membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan; dan
 - c) Mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi pejabat serta memperuntukkan bagi menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara ini.

7. MESYUARAT-MESYUARAT

- 7.1 Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan tiga (3) bulan sekali iaitu empat (4) kali setahun.
- 7.2 Kuorum bagi mesyuarat Majlis hendaklah tidak kurang daripada 50% (6) orang ahli Pihak Pegawai dan 50% (8) orang ahli Pihak Pekerja.
- 7.3 Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha-Setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada tujuh [7] hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi.
- 7.4 Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi dan Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat hendaklah

dipersetujui oleh pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah dihadkan kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat tersebut.

7.5 Sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis, maka ahli Pihak Pegawai Terkanan boleh mempengerusikan mesyuarat Majlis dengan kebenaran daripada Pengerusi. Dalam apa jua keadaan sekalipun, Naib Pengerusi iaitu Pengerusi Pihak Pekerja tidak boleh mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis.

7.6 Minit mesyuarat MBJ hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Pihak Pegawai dan Setiausaha Pihak Pekerja.

8. KEPUTUSAN

8.1 Segala keputusan-keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan di antara kedua-dua belah pihak.

8.2 Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan-jabatan lain yang tidak pula bertelingkah dengan dasar Kerajaan bolehlah diselenggarakan atau dilaksanakan terus oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan ataupun dengan Jabatan-jabatan lain ia hendaklah dirujuk kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan atau pun kepada Jabatan Perkhidmatan Awan.

9. PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

9.1 Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana mesyuarat Majlis dengan persetujuan tidak kurang daripada 50% ahli pihak pegawai dan 50% ahli Pihak Pekerja. Notis mengenai pindaan hendaklah diberikan dan diedarkan kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan.

- 9.2 Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai penggubal dasar boleh menetapkan kaedah terbaik bagi menyelesaikan sebarang perbezaan pendapat dan pertentangan di antara Pihak Pegawai dengan Pihak Pekerja mengenai penggubalan dan pindaan perlembagaan Majlis. Segala keputusan yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah muktamad selari dengan kuasa yang diperuntukkan dalam perenggan 13 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992.

JUPEM TERENGGANU

[Rujukan kelulusan JPA : JPA 112/3/2-389 (22), bertarikh 05 Disember 2005)